



Azizulhasni Awang

Bonnie Bunyau Guslin

Anugerah 100 Plus Perpaduan SAM 2020/2021

# Jijoe, Bonnie terbaik

## Dua atlet cipta cemerlang di Olimpik, Paralimpik Tokyo

Oleh Helmi Talkah  
helmi.talkah@bh.com.my

**Petaling Jaya:** Jaguh berbasikal trek negara, Datuk Azizulhasni Awang dinobatkan sebagai Atlet Terbaik pada Majlis Anugerah 100 Plus Perpaduan Persatuan Penulis-Penulis Sukan Malaysia (SAM) 2020/2021 di sini, semalam.

Pemenang pingat perak Sukan Olimpik Tokyo 2020 itu unggul apabila mengatasi lima calon lain iaitu Lee Zii Jia (badminton), gandingan Aaron Chia-Soh Wooi Yik (badminton), Datuk Pandelala Rinong Pamg (erjun) dan Ritdean Masdor (Muay Thai).

Sebagai rekod, ini adalah kali keempat Azizulhasni yang diberi julukan 'The Pocket Rocketman' memenangi anugerah berkenaan selepas turut meraihnya pada 2009, 2017 dan 2019.

Selain merah perak Olimpik Tokyo, Azizulhasni yang dikenali Jijoe turut mencipta kejayaan meraih dua pingat gangsa pada Kejuaraan Dunia di Berlin 2020, masing-masing dalam acara keirin dan pecut.

Pelumba berusia 34 tahun itu bagaimanapun tidak dapat hadir pada majlis berkenaan kerana masih dalam proses pemulihan selepas menjalani pembedahan jantung susulan disahkan mengalami masalah jantung dikenali sebagai arteri koronari kanan yang menyulur dari aorta di posisi janggal/ganjil (AAORCA) di Hospital Epworth Richmond, Melbourne pada 21 April lalu.

"Anugerah ini cukup bermakna buat saya sebagai tanda penghargaan daripada wartawan yang banyak membantu menaikkan nama atlet ke peringkat lebih tinggi," katanya menerusi rakaman ucapan video.

### Tepati ramalan

Sementara itu, jaguh powerlifting negara, Bonnie Bunyau Guslin memenangi ramalan apabila dinobatkan sebagai Atlet Para Terbaik.

Bonnie, 23, mencipta pelbagai kejayaan cemerlang sepanjang

2020 dan 2021, termasuk menyumbangkan pingat emas pertama kontinjen negara pada temasya Sukan Paralimpik Tokyo dalam kategori 72 kilogram.

Azizulhasni dan Bonnie masing-masing menerima trofi dan wang tunai berjumlah RM10,000 yang disampaikan oleh Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique.

Yang turut hadir: Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ti Lian Ker; Pengarah Perhubungan Kerajaan Industri dan Hal Ehwal Halal F&N Holding Berhad, Datuk Rafiq MD Ariff dan Presiden SAM, Norismadi Abdul Manap.

Selain Anugerah Atlet Terbaik, SAM juga tidak lupa menghargai jasa dan sumbangan dua tokoh hebat dalam bidang sukan menerusi Anugerah Khas Ke-pada mendiang Datuk Siah Kok Chi dan Allahyarham Datuk Zolkples Embong.

Selain itu, majlis tersebut menyaksikan SAM menerima sumbangan dana kira-kira RM250,000 yang diberikan oleh Kementerian Perpaduan dan KBS untuk memulakan pelbagai aktiviti pada masa akan datang.

## Wartawan Sukan BH raih Laporan Berita Terbaik

**Petaling Jaya:** Wartawan Sukan Berita Harian (BH), Zulfaizan Mansor memenangi kategori Laporan Berita Terbaik 2020 (Media Cetak) pada Majlis Anugerah 100 Plus Perpaduan Persatuan Penulis-Penulis Sukan Malaysia (SAM) 2020/2021 di sini, semalam.

Zulfaizan, 34, mengatasi empat lagi calon akhir bagi kategori berkenaan menerusi laporan berjudul 'Potong gaji 25 peratus', mencadangkan agar gaji pemain bola sepak dipotong selepas saringan Liga Malaysia (Liga M) ditangguh berikutan pandemik COVID-19 yang diisytiharkan pada 17 Mac 2020. Kemenangan itu membole-

kan dia membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000 beserta trofi. Bagi Zulfaizan, ia adalah pencapaian tertinggi-nya sepanjang bergelar wartawan sukan sejak 2014.

Sementara itu, Wartawan Sukan Harian Metro, Mohd Firdaus Mohd Hashim memenangi kategori Ulasan Berita Terbaik (Media Cetak) 2020 menerusi laporan berjudul 'AMMD sudah ada penaja, sekali gus mempertahankan kemegahannya pada edisi 2019.

Edisi kali ini menyaksikan Wartawan Sukan TV3, Ai Shai-hul Nazib Talib memenangi Anugerah Siebel sekali gus memenangi wang tunai RM7,000 dan trofi.

Zulfaizan memenangi kategori Laporan Berita Terbaik 2020 (Media Cetak).  
(Foto Elizabeth Shamsudin/BH)



## Amer pikat dua pasukan

**Kuala Lumpur:** Pelumba go-kart negara, Amer Harris Jeffrey berjaya memikat hati dua pasukan Eropah iaitu CPB Sports dan Parolin Factory Team yang menawarkan tempat untuk bersaing dalam perlumbaan musim penuh bagi kategori KZ tahun depan.

Bapa pelumba berusia 19 tahun itu, Jeffrey Talib, berkata Amer memamerkan prestasi luar biasa ketika sesi ujian bagi kategori KZ bersama CPB Sports yang juga pasukan satelit bagi Factory Team SODI yang ber-

langsung di Litar South Garda Karting, Lonato, Itali, Julai lalu. "Saya dan pemilik pasukan DRM Motorsport, Mohd Roharizul Mohd Ropin agak terkejut apabila menyaksikan Amer men-

catatkan masa terbaik biarpun kali pertama membawa kart KZ. Biasanya, untuk pelumba yang kali pertama, ia agak sukar kerana kelajuan KZ lebih dua kali ganda daripada kart biasa.

"Disebakan prestasi ditunjukkan Amer itu, CPB yakin kebolehan dan menawarkan tempat untuk dia beraksi dalam kategori KZ musim depan. Selain CPB, Parolin Factory Team turut berminat menawarkan tempat untuk Amer," katanya.

Amer yang juga juara go-kart Asia sebanyak tiga kali akan berlepas ke Itali bagi mewakili Parolin Factory Team beraksi dalam Kejuaraan Dunia FIA bagi kategori OK yang akan berlangsung di Litar Sarno pada 15 hingga 18 September ini.